

25/10/1997

Kedah tubuh Lembaga Pengurusan Sungai

Hassan Omar

ALOR STAR, Jumaat - Kedah akan menubuhkan Lembaga Pengurusan Sungai menjelang akhir tahun ini bagi mentadbir kerja pembersihan dua sungai utama di Kedah.

Lembaga yang bertanggungjawab mengatasi masalah pencemaran Sungai Muda dan Sungai Kedah itu akan dianggotai pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Penerangan negeri, Ahmad Lebai Sudin berkata, selain mengatasi masalah terbabit, lembaga itu juga berperanan mengindahkan lanskap tebing sungai sebagai kawasan rekreasi.

"Setakat ini, kita sudah mengenalpasti Sungai Muda dan Sungai Kedah yang harus ditadbir secara lebih sempurna bagi mengatasi masalah pencemaran.

"Selain itu, sungai itu juga akan dijadikan sumber pengairan untuk melaksanakan projek pertanian moden seperti yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Menurutnya, antara kerja memperindah lanskap di kawasan tepi sungai berkenaan ialah penanaman pelbagai jenis pokok selain membina kerusi diperbuat daripada batu.

Dr Mahathir sebelum ini, meminta semua negeri menubuhkan lembaga berkenaan sebagai langkah mengatasi masalah pencemaran sungai yang semakin serius di negara ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding dilaporkan berkata, Dr Mahathir menyuarakan permintaan itu dalam pertemuan beliau dengan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri di ibu negara, baru-baru ini.

Antara lain, lembaga itu berperanan memastikan kaedah membersih dan menjaga sungai secara terperinci serta mengenalpasti kaedah terbaik penggunaan sungai sebagai sumber bekalan air.

Berdasarkan Laporan Kualiti Alam Sekitar terbaru, JAS mendedahkan sebanyak 57 sungai utama di negara ini mengalami pencemaran teruk akibat kerja tanah dan pembukaan kawasan.

Johor dan Sarawak mempunyai bilangan sungai tercemar tertinggi dengan masing-masing 14, diikuti Sabah (9), Perak (5), Pulau Pinang (4), Selangor (3), Melaka dan Negeri Sembilan (1).

(END)